

LAMPIRAN I.2

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN TADIKA / TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA) UNTUK PEMAJUAN PERUMAHAN BARU DI PERINGKAT PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG.

1.0. Tujuan

Garis panduan ini merupakan rujukan kepada pihak Majlis dalam merancang perletakkan tadika / taska untuk pemajuan-pemajuan kediaman baru yang melibatkan pemajuan landed dan bertingkat (*high rise*) di peringkat Permohonan Kebenaran Merancang.

2.0 Garis Panduan Umum

- 2.1 Penyediaan tapak tadika / taska untuk pemajuan-pemajuan kediaman yang baru adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Majlis.
- 2.2 Setiap permohonan yang melibatkan penyediaan tadika / taska hendaklah merujuk terus kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Salinan ulasan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat hendaklah disertakan bersama pelan tunai syarat bagi pematuhan syarat di peringkat Permohonan Kebenaran Merancang.


3.0 Garis Panduan Khusus

3.1 Pemajuan *Landed*

- i) Setiap pemajuan „landed“ yang mencapai **21 unit kediaman – 40 unit kediaman** hendaklah memperuntukkan sebuah tadika / taska .
- ii) Setiap 20 unit kediaman seterusnya hendaklah memperuntukkan sebuah tadika / taska.
- iii) Rumah sesebuah, rumah berkembar dan rumah teres bagi “corner unit” dan unit hujung yang mempunyai halaman hendaklah ditandakan / diplotkan di atas pelan di peringkat Permohonan Merancang dan Pelan Bangunan sebagai dwi-kegunaan iaitu unit kediaman. Unit ini dibenarkan tukarguna kepada tadika / taska.
- iv) Rumah sesebuah, rumah berkembar dan rumah teres yang terletak di jalan “cul-de-sac” tidak dibenarkan.

- v) Operasi tadika/taska tertakluk kepada kelulusan lesen daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Contoh Penandaan Plot Tadika / Taska Untuk Pemajuan Landed



3.2 Pemajuan Bertingkat (*High Rise*) dan Pemajuan Strata Secara Berpagar (Gated).

- i) Penyediaan adalah dikecualikan.
- ii) Walau bagaimanapun, sebahagian daripada ruang dewan yang disediakan mengikut keperluan garis panduan kemudahan masyarakat boleh dibenarkan untuk ditukarguna kepada penyediaan tadika/taska.

4.0 Pemakaian Garis Panduan

- 4.1 Garis panduan ini adalah terpakai bagi Permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan selepas tarikh garis panduan ini diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 4/2017 iaitu pada **25.04.2017**.
- 4.2 Garis panduan Penyediaan Tadika/Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) Untuk Pemajuan Baru Di Peringkat Permohonan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan pada 28 Ogos 2014 adalah **terbatal**.